

SERDANG

Kejohanan memanah

Pusat Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia akan menganjurkan Kejohanan Memanah Kebangsaan ke-31 Terbuka UPM, selama lima hari di stadium universiti, mulai esok.

Kejohanan terbuka kepada semua peringkat umur itu memabitkan empat kategori iaitu *recurve* lelaki dan wanita serta *compound* lelaki dan wanita.

Pengarah Pusat Sukan UPM, Hamzah Ismail, berkata kejohanan bertujuan meletakkan sukan memanah setanding dengan sukan ternama lain di negara ini, selain sebagai usaha meningkatkan minat masyarakat terhadap sukan berkenaan.
